

Melaka anjur program khas pelancongan untuk pelajar

BH 20 FEB 2000

KUALA LUMPUR: Melaka akan menganjurkan program khas pelancongan untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah khususnya yang berkaitan dengan warisan sejarah dan kebudayaan di negeri itu.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata langkah itu selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan pengusaha industri pelancongan mewujudkan pakej pelancongan khusus untuk pelajar.

Katanya, kerajaan negeri akan berbincang dengan pelbagai pihak termasuk Kement-

rian Pendidikan untuk menjadikan program itu sebagai kegiatan kokurikulum di sekolah.

"Melaka bersedia menerima kedatangan pelajar sekolah secara berkumpulan kerana kami mempunyai banyak tempat menarik, bersejarah dan menampilkan warisan bangsa Malaysia," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Sebelum itu, Mohd Ali mengadakan dialog pelancongan dengan 34 duta asing ke negara ini.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, pelajar sekolah perlu didekahkan kepada warisan negara bagi menyemai rasa cinta serta semangat taat setia kepada ne-

gara dan dengan itu kegiatan pelancongan membabitkan pelajar sekolah perlu diperbanyakkan.

Ini kerana, katanya antara warisan negara yang bakal diwarisi ialah negara yang aman walaupun penduduknya pelbagai kaum dan agama.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri akan berbincang dengan pihak hotel dan pengusaha tempat rekreasi untuk memberikan potongan harga penginapan dan kemudahan rekreasi kepada rombongan pelajar sekolah.

Katanya, Melaka sebagai destinasi sejarah utama Malaysia adalah tempat yang sesuai untuk pendidikan sejarah serta

memupuk perasaan kasih sayang kepada warisan negara.

Beliau berkata, negeri di seluruh negara boleh juga membantu Melaka menggalakkan kanak-kanak sekolah melawat negeri itu, di samping menyediakan pakej khas pelancongan untuk negeri masing-masing.

Terdahulu, Mohd Ali berkata, pertemuan beliau dengan duta asing adalah langkah pertama untuk mempromosi Melaka di luar negara.

Katanya, langkah itu lebih menjimatkan serta berkesan, di samping boleh mengeratkan hubungan dengan duta asing di negara ini.